

JARAK kawasan Projek Perumahan Rakyat Seri Anggerik, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur dengan kolam takungan banjir hanya dipisahkan oleh pagar.



REAKSI

Kolam tangkungan tidak diselenggara

"SAYA berharap pihak bertanggungjawab segera menjalankan kerja-kerja pembersihan kolam takungan bagi memastikan kejadian tidak diingini."

MOHD. RASHID ABU BAKAR, 49



"KOLAM ini turut ditumbuhi semak dan lalang yang sekali gus menjadi sarang haiwan berbisa. Selain denggi, saya amat bimbang dengan



keselamatan kami selain risau jika kanak-kanak bermain dan terjatuh di situ."

MARIANA AB. SAMAD, 34

"SAYA cadangkan supaya kolam itu ditutup sahaja. Tapak berkenaan juga boleh dibangunkan dengan kemudahan-kemudahan awam untuk penduduk setempat, misalnya perumahan mampu milik, padang atau kawasan rekreasi."



MOHAMAD MD. DOM, 59

JPS didakwa gagal selenggara kolam takungan PPR Seri Anggerik

Berbuka puasa diganggu bau busuk

Oleh **ZULFADLI SHARIFUDIN**
kota@utusangroup.com.my

■ **KUALA LUMPUR 24 JUN**

PENDUDUK di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Anggerik, Jalan Klang Lama di sini terpaksa membuka dalam keadaan tidak selesa berikutan terpaksa menghidu bau busuk daripada sebuah kolam takungan banjir yang tidak diselenggara pihak berwajib sejak setahun lalu.

Penduduk mendakwa, kali terakhir kolam takungan milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur itu diselenggara pada Ogos tahun lalu.

ISU RAKYAT



Utusan Malaysia pernah menyiarkan laporan berhubung kebimbangan penduduk berhubung tersebut pada Mei lalu ekoran kolam berkenaan menjadi tempat pembiakan nyamuk dan sekali gus mendatangkan bahaya kepada kesihatan penduduk.

Tinjauan penulis baru-baru ini mendapati, kolam yang terletak kira-kira 10 meter dari kawasan perumahan itu turut dicemari sampah sarap yang dipercayai datang dari sebuah pasar basah

berdekatan.

Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Seri Anggerik, Mohd. Noor Abu berkata, bau busuk itu berlaku setiap hari dan menimbulkan rasa kurang selesa lebih-lebih lagi ketika cuaca hujan.

Menurutnya, tiga bulan lalu kira-kira 10 orang penduduk dikesan menghidap demam denggi berpunca daripada kolam berkenaan.

"Kementerian Kesihatan dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah beberapa kali mengadakan aktiviti gotong-royong di kawasan ini, malangnya wabak denggi terus menular.

"Semua unit rumah juga telah diperiksa dan tiada yang dikesan berisiko menjadi sarang pembia-

kan nyamuk. Kami menjangkakan sudah tentu masalah denggi berpunca dari kolam tersebut yang gagal dibersihkan," katanya ketika ditemui di sini.

Tambah Mohd. Noor, aduan berkaitan telah dikemukakan kepada pihak JPS, namun sehingga hari ini tiada sebarang tindakan diambil.

Katanya, alasan pihak JPS ketiadaan peruntukan menyebabkan kontraktor tidak dapat dilantik bagi kerja-kerja penyelenggaraan kolam benar-benar mengecewakan.

"Penduduk merayu JPS agar segera menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan kerana bimbangkan keselamatan dan kesihatan penduduk terjejas," katanya.

MOHD. NOOR ABU (depan) bersama seorang penduduk menunjukkan keadaan kolam takungan banjir berhampiran PPR Seri Anggerik, Jalan Klang Lama, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

